

'Pindaan Akta Pendidikan tak
jejaskan hak kaum di Malaysia'

Tidak patut timbul salah faham - PM

KUALA LUMPUR 9 Julai — Dato' Sri
Dr. Mahathir Mohamad menegaskan
bahawa tidak patut timbul sebarang salah
faham terhadap pindaan Akta Pendidikan
1961 kerana kerajaan mempunyai niat
yang baik.

Perdana Menteri berkata, pindaan terse-
but adalah untuk kebaikan sistem pen-
didikan dan tidak menjejaskan hak kaum -
kaum yang ada di negara ini.

"Kita ikhlas. Bila ada peruntukan yang
memberi kuasa kepada kerajaan untuk
menukar sekolah jenis kebangsaan, keraja-
an tidak berbuat demikian.

"Kenapa setelah kerajaan hapuskan

kuasa itu, masih lagi ada keraguan," be-
liu bertanya.

Perdana Menteri berkata demikian da-
lam rancangan *Isu Semasa* RTM malam ini
bila beliau ditanya tentang kebimbangan
masyarakat Cina terhadap peruntukan -
peruntukan baru dalam akta tersebut.

Dalam hubungan ini, beliau mengingat-
kan bahawa yang tidak puas hati dengan
pindaan itu bukan sahaja masyarakat Cina
tetapi juga masyarakat Melayu.

Beliau menambah, pindaan akta terse-
but antara lain hanya untuk menjelaskan
tugas, tanggungjawab dan peranan lemb-
ga sekolah - sekolah.

Beliau berpendapat, adalah aneh, sekira-
nya lembaga sekolah jenis kebangsaan
mempunyai kuasa untuk menentukan se-
gala urusan sekolah sedangkan sekolah
tersebut dibiayai sepenuhnya oleh keraja-
an.

Sebab itu, tambah Perdana Menteri, ke-
rajaan mahu peranan tugas dan tanggung-
jawab lembaga sekolah jenis kebangsaan
disamakan dengan lembaga sekolah ke-
bangsaan yang lain.

"Itu sahaja yang kita tentukan. Ini tidak
bermakna corak sekolah akan ditukar. Ke-
rajaan telah memberi jaminan corak seko-
lah akan kekal," tegas beliau.

Perdana Menteri kesal kerana orang -
orang politik cuba mencari sesuatu perkara
yang boleh menimbulkan prasangka di ka-
langan orang ramai kerana kepentingan
politik semata - mata.

Katanya: "Kalau kita tengok rekod ke-
rajaan kita tidak pernah buat sesuatu yang
menunjukkan kerajaan tidak ikhlas."

Kepada pertanyaan, barangkali lembaga-
pengurus sekolah jenis kebangsaan meng-
anggap mereka tidak mempunyai kuasa
untuk melibatkan diri dalam pembangun-
an dan perancangan sekolah, Perdana
Menteri menjelaskan:

"Itu cuma sangkaan mereka. Ia tidak
berasas. Kuasa mereka memang terhad
kerana wang itu adalah wang kerajaan.
Tetapi kuasa mereka untuk menentukan
sekolah jenis kebangsaan kekal tidak terje-
jas. Apa sebabnya mereka harus berasa ta-
kut."

Perdana Menteri berkata, perasaan tidak
puas hati bukan sahaja wujud di kalangan
masyarakat Cina tetapi juga di kalangan
masyarakat Melayu.

Menurut beliau, kalau hendak bergan-
tung kepada pendapat orang ramai maka
tidak ada satu pendapat yang sama dan
pada satu ketika kerajaan mesti membuat
keputusan.

Beliau memberitahu, kerajaan tidak me-
luluskan pindaan itu dalam mesyuarat
Parlimen yang baru lepas untuk memberi
peluang kepada semua pihak meneliti per-
untukan tersebut.

Perdana Menteri juga menarik perhatian
bahawa Malaysia merupakan satu - satu-
nya negara di dunia yang memberi tempat
kepada sekolah Cina.

Beliau berkata, negara lain tidak mem-
beri mereka tempat sama sekali.

"Mereka tidak membenarkan sama se-
kali pelajaran bahasa Cina walaupun pen-
duduk Cina ramai di negara itu," tegas
Perdana Menteri.